




LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & INNOVASI  
(MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND THE ENVIRONMENT)  
BATU 24, JALAN DENGKIL  
43800 DENGKIL,  
SELANGOR



Telefon: 03-89267699  
03-89284100  
Telefak: 6-03-89223685

Oktober 2006

NOTIS PEMBERITAHUAN AELB  
BIL. 1/2006

**KEPERLUAN KABEL KAWALAN JAUH (WINDING CABLE) PERALATAN  
GAMMA RADIOGRAFI INDUSTRI MEMENUHI STANDARD ISO 3999 ATAU  
SETARAF DENGANNYA**

**TUJUAN**

1. Tujuan notis pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan kepada mana-mana orang atau pemegang lesen mengenai keperluan kabel kawalan jauh (winding cable) peralatan gamma radiografi industri memenuhi standard ISO 3999 atau setaraf dengannya.

**LATARBELAKANG**

2. Peralatan gamma radiografi industri pada asasnya terdiri daripada tiga komponen utama iaitu bekas punca (source container), kabel kawalan jauh (winding cable) dan tiub pemandu (guide tube) seperti Rajah 1. Ketiga-tiga komponen asas ini biasanya dibuat oleh satu syarikat atau kilang yang sama dengan memenuhi standard antarabangsa atau standard negara pengeluar.

3. Standard Antarabangsa bagi peralatan gamma radiografi industri adalah ISO 3999. ISO 3999 ialah "Radiation protection – Apparatus for industrial gamma radiography – Specifications for performance, design and tests" iaitu meliputi ketiga-tiga komponen asas di atas. Terdapat juga standard lain yang setaraf (equivalent) dengan standard ISO 3999 sebagai contoh ANSI N432 (Radiological safety for the design and construction of apparatus for gamma radiography).

4. Sejak kebelakangan ini didapati bahawa ada syarikat yang membuat kabel kawalan jauh (winding cable) sahaja dan sepadan (compatible) atau boleh digunakan bersama dengan bekas punca daripada syarikat yang lain. Sebagai contoh, bekas punca jenis Tech-Ops yang dibuat oleh Syarikat AEA daripada United Kingdom adalah sepadan (compatible) atau

boleh dipasang kabel kawalan jauh daripada Syarikat daripada Korea atau Afrika Selatan. Kabel kawalan jauh (winding cable) ini tidak mempunyai nombor siri dan belum dibuktikan memenuhi standard antarabangsa atau setaraf dengannya.

#### **ARAHAN AELB**

4. Mulai **1 November 2006**, mana-mana orang atau pemegang lesen yang ingin membawa masuk kabel kawalan jauh (winding cable) dari negara luar dibenarkan dengan syarat standard tersebut setaraf (equivalent) dengan standard antarabangsa ISO 3999. Standard ini bolehlah didapati daripada kilang (manufacturer) yang mengeluarkan kabel kawalan jauh atau badan-badan lain yang mempunyai kuasa.


#### **PENUTUP**

5. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan notis pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah:

Pengarah  
Bahagian Dasar, Kod dan Standard  
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Kompleks Ibu Pejabat AELB  
Batu 24, Jalan Dengkil  
43800 Dengkil, Selangor  
e-mel : [pbs@aelb.gov.my](mailto:pbs@aelb.gov.my)  
<http://www.aelb.gov.my>

---

Rajah 1 : Sistem Peralatan Gamma Radiografi Industri



Tiub pemandu  
(guide tube)

Bekas punca  
(source container)

Kabel kawalan jauh  
(winding cable)